

Unsur Semantik dan Pragmatik dalam Pantun **BIDAYUH JAGOI**

Mary Fatimah Subet • Shanthi Nadarajan
Wan Robiah Meor Osman • Salbia Hassan



Unsur
Semantik dan Pragmatik
dalam PANTUN
BIDAYUH JAGOI

Unsur
Semantik dan Pragmatik
dalam PANTUN
BIDAYUH JAGOI

Mary Fatimah Subet • Shanthi Nadarajan
Wan Robiah Meor Osman • Salbia Hassan

Universiti Malaysia Sarawak
Kota Samarahan
2015

© Mary Fatimah Subet
Shanthy Nadarajan
Wan Robiah Meor Osman
Salbia Hassan 2015

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin bertulis daripada Penerbit UNIMAS.

Diterbitkan oleh
UNIMAS Publisher,
Universiti Malaysia Sarawak,
94300 Kota Samarahan,
Sarawak Malaysia.

Dicetak di Malaysia oleh,
InfoGrafik Press Sdn. Bhd.
Lot 201, No. 265, Section 50,
Jalan Nipah, Off Jalan Abell Utara,
93100 Kuching,
Sarawak, Malaysia

Pernustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mary Fatimah Subet
Unsur Semantik dan Pragmatik dalam PANTUN BIDAYUH JAGOI /
Mary Fatimah Subet.
Bibliography: page 136
ISBN 978-967-5527-77-7
1. Pantouns--History and criticism.
2. Dayak (Indoesian people)--Sarawak--Social life and customs.
I. Judul.
899.23109

KANDUNGAN

Prakata	xi
Penghargaan	xiii
1 Seimbas Latar Belakang Masyarakat Bidayuh Sarawak	1
2 Era Perkembangan dan Khazanah Tradisi Lisan Masyarakat Bidayuh	9
2.1 Makna Tradisi Lisan	9
2.2 Fasa Perkembangan Tradisi Lisan Masyarakat Bidayuh	17
2.3 Khazanah Tradisi Lisan Masyarakat Bidayuh	21
3 Bentuk Luaran, Bentuk Dalaman dan Bahasa Pantun Bidayuh Jagoi	29
3.1 Bentuk Luaran Pantun Bidayuh Jagoi	32
3.2 Bentuk Dalaman Pantun Bidayuh Jagoi	41
3.3 Pantun Bidayuh Indah Dalam Bahasa Ibundanya	51
4 Aspek Semantik Dalam Pantun Bidayuh Jagoi	57
4.1 Sinonim	59
4.2 Antonim	63
4.3 Homonim	65
4.4 Makna Denotatif	69
4.5 Makna Konotatif	71

5 Aspek Pragmatik Dalam Pantun Bidayuh Jagoi	77
5.1 Strategi Untuk Menyatakan Kesedihan dan Kerisauan	81
5.2 Strategi Untuk Menyatakan Kegembiraan	85
5.3 Strategi Untuk Memberi Nasihat	88
5.4 Strategi Untuk Menyindir Seseorang	90
5.5 Strategi Untuk Menyatakan Nekad Untuk Melakukan Sesuatu	92
5.6 Strategi Menyatakan Rasa Kasih	95
6 Gambaran Kehidupan Masyarakat Bidayuh Dalam Tradisi Lisan	99
6.1 Lagu-Lagu Musim Menanam Padi	100
6.2 Gabungan Fikiran	102
6.3 Persetujuan Orang Ramai	103
6.4 Kebolehan Menyelesaikan Masalah Sendiri	104
7 Kepentingan dan Peranan Tradisi Lisan Dalam Masyarakat Bidayuh	107
8 Pengekalan dan Hala Tuju Tradisi Lisan Masyarakat Bidayuh	111
8.1 Cara Pengekalan Tradisi Lisan	114
8.2 Kesimpulan	119
Bibliografi	123
Indeks	137

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1 : Kumpulan Masyarakat Etnik Sarawak	2
Jadual 1.2 : 29 Jenis Dialek Bidayuh di Sarawak	6
Jadual 4.1 : Sinonim	63
Jadual 4.2 : Antonim	65
Jadual 4.3 : Homonim	68

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1 : Kumpulan Bidayuh Yang Utama di Sarawak	5
Rajah 8.1 : Ciri Budaya Tradisi Lawan Moden	116

PRAKATA

Sebagai salah satu bahasa peribumi di kepulauan Borneo, Bahasa Bidayuh agak unik berbanding bahasa-bahasa lain yang terdapat di Sarawak. Keunikan ini adalah berdasarkan sebutan, pertuturan, gerak gaya dan alunan yang dipertuturkan. Lazimnya bahasa Bidayuh akan berubah intonasi dan bahasa mengikut kampung dan daerah tertentu. Hal ini menyebabkan suku kaum ini sukar untuk berkomunikasi antara satu sama lain sekiranya mereka dari suku dan daerah yang berlainan. Sebagai contoh, daripada pemerhatian penulis dan maklumat bacaan, terdapat beberapa variasi kata "makan" mengikut suku Bidayuh berdasarkan kawasan. Ada yang menyebut "makan" "ma-an" dan ada juga yang menyebut "makan" sebagai "man".

Buku ini memberi tumpuan kepada tradisi lisan masyarakat Bidayuh. Antara aspek yang dikemukakan ialah seimbas lalu latar belakang masyarakat Bidayuh di Sarawak dan perkembangan tradisi lisan masyarakat ini. Buku ini turut mendokumentasi sejumlah karya perihal masyarakat ini. Seterusnya buku ini memberi tumpuan kepada penulisan aspek semantik dengan memfokuskan kepada makna literal dan makna non-literal perkataan dalam bahasa Bidayuh. Makna literal dan makna non-literal perkataan ini dikategorikan kepada sinonim, antonimi, homonim, makna konotatif dan makna denotatif. Selain semantik, makna dalam tradisi lisan ini turut diterokai dengan rangka analisis bidang pragmatik. Melalui bidang pragmatik, data dikupas dengan analisis implikatur dan strategi serta kesimpulan yang diperoleh daripada penggunaan implikatur dalam tradisi lisan

ini dikemukakan. Hala tuju tradisi ini turut dimuatkan dengan beberapa langkah dikemukakan untuk memastikan kelangsungan tradisi lisan ini. Data untuk penulisan diambil daripada empat jenis dialek daripada kumpulan utama penutur bahasa Bidayuh yang terdiri daripada Bukar-Sadong (Serian), Selako-Lara (Lundu, Kuching), Biatah (Pedawan, Kuching) dan Jagoi (Singgai, Bau, Kuching). Walau bagaimanapun, daripada empat jenis dialek ini, tumpuan banyak diberikan kepada bahasa Bidayuh Jagoi untuk analisis makna.

Penghasilan buku ini dapat menambah bilangan kajian dalam bahasa peribumi di Sarawak. Buku ini dapat dijadikan panduan dan rujukan lanjutan kepada sesiapa sahaja yang berminat untuk menerokai khazanah tradisi lisan di Sarawak khususnya, dan di Malaysia secara amnya.

PENGHARGAAN


Para penulis mengucapkan jutaan terima kasih kepada Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) kerana membiayai geran penyelidikan (SGS- 03(S77)/812/2011(11).

Penghargaan terima kasih juga ditujukan khas kepada para informan yang sangat baik hati dan telah bekerjasama memberikan maklumat berkenaan data tradisi lisan. Nama-nama mereka dinukilkan bersama-sama hasil tradisi lisan yang disumbangkan oleh mereka di dalam buku ini. Kerjasama yang diberikan dapat membantu usaha ke arah mengekalkan tradisi lisan masyarakat Bidayuh yang unik ini.

Terima kasih juga diberikan kepada Ianabella Anak Raeng, Cranston Mason, Kosmas Se'ek Anak Noyem, dan Dorem Anak Noyem atas usaha membantu dalam mendapatkan data, mentranskripsi serta menterjemahkan ke dalam bahasa Melayu.

Akhir sekali, penghargaan terima kasih juga ditujukan kepada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuching, pelajar-pelajar kursus PBM 2033, sem 2, sesi 2011/2012, UNIMAS, Bahagian Penerbitan, UNIMAS, dan orang perseorangan yang turut menyumbang secara langsung atau tidak langsung dalam proses kutipan data sehinggalah terhasilnya penulisan dan penerbitan buku ini.

Terima Kasih.



SEIMBAS LATAR BELAKANG MASYARAKAT BIDAYUH SARAWAK

Masyarakat Bidayuh di Sarawak ialah kumpulan etnik yang kedua besar di Sarawak dengan bilangan seramai 210,000 (Chua, 2009). Beberapa penulis awal Barat telah mengenal pasti masyarakat Bidayuh sebagai penghuni terawal di Kalimantan Barat (Beccari, 1904; Low, 1990, m/s. 275; Macdonald, 1956, m/s. 50). Roth (1896) pernah menyatakan bahawa masyarakat Bidayuh adalah antara penghuni utama tanah jajahan awal yang dimiliki oleh James Brooke. Ini bererti masyarakat Bidayuh bukan hanya masuk ke kawasan Sarawak dari Kalimantan (yang dahulunya tidak bersempadan) tetapi berupa penghuni asal Sarawak sebelum zaman penjajahan Rajah Brooke. Gould dan Bampfylde (1909) menyatakan bilangan masyarakat Bidayuh pada suatu masa dahulu agak ramai tetapi bilangan mereka telah berkurangan setelah diburu dan diserang berkali-kali oleh masyarakat Iban dan dirompak oleh pembesar Melayu dari Brunei.

Sebelum kedatangan Rajah Brooke pada 1841, istilah “Daya” digunakan untuk melambangkan kumpulan daya’ (orang) yang hidup di penghujung barat Sarawak. Dengan itu, masyarakat Bidayuh pernah digelar seperti Dayak Darat (Hudson, 1970) tetapi istilah “Dayak” ini kurang digunakan sekarang. Dari segi antropologi, perkataan “Dayak” ialah istilah supraetnik yang diguna untuk melambangkan masyarakat etnik Sarawak yang

Unsur Semantik dan Pragmatik dalam Pantun BIDAYUH JAGOI



Buku ini memberi tumpuan kepada tradisi lisan masyarakat Bidayuh. Antara aspek yang dikemukakan ialah seimbangi latar belakang masyarakat Bidayuh di Sarawak yang merupakan kumpulan etnik yang kedua terbesar di Sarawak. Makna tradisi lisan yang dikemukakan oleh sarjana barat, tempatan dan Nusantara juga dikemukakan untuk memberi pemahaman kepada khalayak pembaca jenis sastera lisan yang ada di Malaysia. Perkembangan tradisi lisan masyarakat ini juga dibicarakan dengan melihat kepada kaitan kukuh tradisi lisan ini dengan rutin kehidupan masyarakat Bidayuh satu ketika dahulu yang menjadikan pertanian sebagai salah satu sumber ekonomi mereka. Buku ini turut mengemukakan beberapa hasil karya perihal masyarakat ini. Bentuk luaran dan dalaman pantun masyarakat Bidayuh dikemukakan. Seterusnya buku ini memberi tumpuan kepada penulisan aspek semantik dengan memfokuskan kepada makna literal dan makna non-literal perkataan dalam bahasa Bidayuh. Makna literal dan makna non literal perkataan ini dikategorikan kepada sinonim, antonimi, homonim, makna konotatif dan makna denotatif. Selain semantik, makna dalam tradisi lisan ini turut diterokai dengan rangka analisis bidang pragmatik. Dengan kaedah implikatur yang diasaskan oleh Grice (1975), tujuan penggunaan implikatur-implikatur berkenaan, strategi penggunaannya serta kesimpulan yang diperolehi daripada penggunaan implikatur dalam pantun Bidayuh dikupas. Akhir sekali, kepentingan tradisi lisan dan juga hala tuju tradisi ini turut dimuatkan sebagai salah satu cara untuk mengekalkan tradisi ini yang bersaing dengan arus kemodenan dekad ini.

